



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MANFAAT TAKAFUL PERCUMA RINGKANKAN BEBAN PENDEPOSIT SSPN-i

1. **Selangor, 15 April 2021** - PTPTN telah menyerahkan manfaat perlindungan takaful kepada seorang pendeposit SSPN-i di kediaman beliau di Kg. Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor. Penyerahan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.
2. Yazirruddin bin Md Som, 60 tahun yang bekerja sebagai Pegawai Audit Dalam telah mengalami keilatan kekal menyeluruh akibat darah tinggi pada 6 Jun 2017 yang lalu. Beliau merupakan pendeposit SSPN-i yang telah membuka akaun pada 29 Disember 2011 dan 30 Oktober 2015 untuk dua (2) orang anak beliau.
3. Ketika disahkan mengalami keilatan kekal menyeluruh, beliau mempunyai simpanan SSPN-i yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful bersamaan dengan jumlah simpanan iaitu RM24,922.42.
4. Inilah keistimewaan SSPN-i yang memberikan perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Selain itu, khairat kematian berjumlah RM2,000 juga diberikan sekiranya berlaku kematian atas pendeposit dan RM500 atas kematian penerima manfaat (anak).
5. Sememangnya nilai manfaat ini tidak dapat mengembalikan kesihatan seorang bapa, namun dengan manfaat yang diterima ini dapat membantu meringankan beban kewangan untuk menampung kelangsungan hidup beliau sekeluarga. Beliau telah

membuat pilihan yang tepat dengan menyimpan di dalam SSPN-i bagi memastikan masa depan keluarga beliau terus terjamin.

6. SSPN-i turut menawarkan keistimewaan lain kepada pendeposit SSPN-i seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, geran sepadan serta patuh syariah dan dijamin oleh Kerajaan. Secara keseluruhan sehingga Februari 2021, sebanyak 4.86 juta akaun SSPN telah dibuka dengan deposit berjumlah RM8.28 bilion.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
15 April 2021